



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP berjudul ‘Kami Warga Putrajaya Tempat Menjadi Penghalang’ yang disiarkan melalui segmen SMS, Berita Harian pada 16 Mac 2010.

Lokasi nurseri bukanlah kriteria penentu bagi kejayaan Kempen Jom Naik Bas di Putrajaya. Perlu diingat bahawa bukan semua penjawat awam menghantar anak ke nurseri yang berjauhan daripada rumah atau daripada kawasan pejabat. Oleh itu, adalah tidak wajar bagi penjawat awam menjadikan isu ini sebagai penyebab mengapa mereka enggan menyokong kempen ini. Sekiranya penjawat awam bersungguh-sungguh untuk menjayakan hasrat murni kerajaan ini, maka mereka perlu melakukan penyesuaian bukan sahaja dalam hal pemilihan nurseri untuk anak-anak tetapi juga bagi hal-hal lain.

Sehubungan itu, seluruh penjawat awam di Putrajaya perlu melakukan transformasi dalam cara mereka berfikir dan bertindak bagi merealisasikan hasrat murni kerajaan untuk menjadikan “Putrajaya Bandar Raya Contoh”.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)

**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya**

Tarikh: 17 Mac 2010